

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN  
(INDERA MAHKOTA)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [ INDERA MAHKOTA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat meneruskan pemberian BRIM kepada kumpulan sasar, sedangkan bekas Perdana Menteri (Tun Mahathir) pernah menegurnya dengan keras. Apakah Kerajaan berhasrat mengkaji semula kaedah pemberiannya seperti menawarkan bimbingan kemahiran kepada kumpulan sasar dalam memperbaiki keadaan ekonomi mereka.

**JAWAPAN**

Kerajaan akan meneruskan inisiatif Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) pada masa akan datang bagi membantu meringankan beban hidup rakyat

yang berpendapatan rendah dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup. Kerajaan akan meneliti dan membuat penambahbaikan ke atas program BR1M supaya objektif Kerajaan ke arah peralihan subsidi bersasar tercapai. Pelaksanaan BR1M ini juga akan mengambil kira kemampuan kedudukan kewangan Negara dan pengukuhan dasar fiskal kerajaan.

BR1M adalah bantuan jangka pendek bermatlamat untuk membantu meringankan beban sara hidup rakyat berpendapatan rendah. Bantuan ini telah dapat membantu meringankan beban rakyat dalam membeli barangan keperluan harian seperti beras, ikan, daging, sayur-sayuran dan lain-lain.

Selain daripada BR1M, Kerajaan telah menyediakan pelbagai inisiatif bagi membantu rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah dan sederhana dalam meringankan beban perbelanjaan harian akibat daripada kenaikan kos sara hidup. Antara program sedia ada yang telah dilaksanakan sebelum ini adalah seperti berikut:

- i. Subsidi barangan keperluan asas seperti beras, minyak masak dan gas

memasak LPG.

- ii. Bantuan Persekolahan, RM100 kepada pelajar sekolah;
- iii. Baucar Buku 1Malaysia RM250;
- iv. Kemudahan Klinik 1Malaysia dan Kedai Rakyat 1Malaysia;
- v. Pengurangan kadar cukai pendapatan individu sebanyak 1%. Seperti contoh, golongan profesional muda yang belum berkahwin dengan pendapatan bulanan RM5,000, akan menikmati penjimatan cukai pendapatan sehingga RM425;

Tambahan pula, Kerajaan turut memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah untuk mendapatkan sumber kewangan/pinjaman bagi melibatkan diri dalam industri kecil-kecilan dan keusahawanan. Terdapat banyak sumber untuk mendapatkan pembiayaan tersebut seperti AIM, TEKUN, MARA, dana PKS serta mikro kredit yang ditawarkan dengan bantuan subsidi kadar faedah oleh Kerajaan.

Kerajaan dari semasa ke semasa akan terus menambah baik program-program bantuan bagi memastikan ia dapat terus membantu rakyat.